

25/07/1999

Perwaja: Anwar turut bersalah

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut terbabit dalam semua keputusan yang dibuat kerajaan membabitkan Perwaja Steel Sdn Bhd, dan tidak pernah membantah sebarang keputusan Kabinet yang dibuat secara kolektif, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, Perdana Menteri berkata, bekas timbalannya itu boleh membawa kes itu ke mahkamah sekiranya dia mahu tetapi Anwar tidak boleh menolak hakikat bahawa sebagai Menteri Kewangan beliau adalah orang yang bertanggungjawab meluluskan sebarang peruntukan untuk syarikat berkenaan.

"Keputusan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, bukan oleh saya. (Jadi) Dia tidak boleh kata walaupun dia dalam kerajaan, dia tidak bersetuju.

"Kalau tidak bersetuju, dia boleh protes," kata Perdana Menteri pada sidang berita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan polis yang dibuat oleh Anwar yang mendakwa Perwaja menanggung kerugian RM2,985 juta dan mengaitkan nama Dr Mahathir dalam laporan itu.

Kes Perwaja mula disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis pada 1996 apabila kerajaan mengarahkan supaya siasatan dibuat ke atas syarikat berkenaan. BPR dilaporkan sudah memanggil lebih 50 orang termasuk bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia, untuk membantu penyiasatan itu.

Isu Perwaja itu terbongkar selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluar besi keluli itu membayar hutang.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata Anwar sudah pasti akan mengaitkan namanya dengan semua perkara kerana: "Saya di dalam kerajaan, jadi semuanya akan dikaitkan dengan saya."

Justeru, beliau menjelaskan, prosedur kerajaan mewajibkan semua peruntukan diluluskan oleh Menteri Kewangan dan semua kertas Kabinet membabitkan soal kewangan mesti diserahkan kepada kementerian berkenaan sama ada boleh diluluskan atau tidak.

Dr Mahathir berkata, Kementerian Kewangan turut bertanggungjawab terhadap kelulusan pelbagai projek lain seperti pembinaan Putrajaya atau Empangan Hidoelektrik Bakun.

"Kementerian itu ketika di bawah dia (Anwar) tidak pernah memprotes mengenai pembinaan Putrajaya, tidak pernah menyebut pembinaan mahligai, protes mengenai Bakun atau apa saja.

"Apabila mahligai dibina, ia dibina kerana dia (Anwar) membenarkan wang untuk dibelanjakan... jadi dia turut sama bersalah," katanya.

Sementara itu di ALOR STAR, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Badan Pencegah Rasuah, Datuk Ahmad Said Hamdan semalam berkata, BPR mengambil masa agak lama untuk menyiapkan siasatan berhubung kerugian Perwaja kerana ia sukar mendapat kerjasama daripada pihak di luar negara.

"Keengganan itu bagaimanapun tidak menghalang BPR menyiapkan siasatan kerana ia boleh mendapatkan daripada sumber lain," katanya selepas majlis perasmian Program Gerak Mesra Bersama BPR.

(END)